

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pendidikan Islam Kertas 1 ini, mengandungi 2 bahagian:

Bahagian A: Mengandungi 40 soalan iaitu 20 Soalan Objektif Aneka pilihan dan 20 soalan mengisi tempat kosong. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan markah yang diperuntukkan ialah 40 markah.

Bahagian B: Mengandungi 4 Soalan Subjektif: Respon terhad dan struktur. Calon dikehendaki menjawab 3 soalan. Soalan 1 dan 2 adalah wajib manakalan calon boleh pilih mana-mana soalan 3 atau 4 dan markah yang diperuntukkan ialah 60 markah.

Calon diberi masa 2 jam untuk menjawab kedua-dua bahagian tersebut.

PRESTASIKESELURUHAN

Secara keseluruhannya tahap pencapaian calon adalah baik. Calon dapat menjawab dengan baik soalan no.1 dan no.3, tetapi tidak dapat menjawab dengan baik soalan no.2 dan no.4. Tidak ramai calon menjawab soalan no. 4. Calon tidak dapat menjawab dengan tepat soalan pengetahuan seperti *pengertian ajaran sesat, pengertian jual beli, rukun jual beli, pengertian mengumpat dan menfitnah*. Soalan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) dapat dijawab dengan baik oleh calon. Ramai calon mendapat markah sederhana kerana tidak dapat menguasai soalan objektif dan istilah. Calon juga tidak dapat menjawab dengan baik soalan Tamadun Islam dan Tokoh. Ramai calon dapat markah rendah dalam bahagian ini.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Bahagian A: Soalan Objektif (aneka pilihan dan mengisi tempat kosong) Calon dapat memberi jawapan dengan tepat dan cemerlang. Bahagian B: Soalan Respon Terhad dan Struktur. Calon dapat menjawab dengan menepati kehendak soalan dan peraturan pemarkahan, tepat dan jelas, jawapan dalam bentuk fakta, lebih daripada yang dikehendaki dan penyusunan jawapannya amat baik serta sesuai dengan tugas soalan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Bahagian A: Soalan Objektif; calon dapat menjawab dengan baik. Bahagian B: Calon dapat menjawab dengan baik bagi soalan no.1, 3 dan 4. Calon tidak dapat menjawab dengan baik soalan no. 2, menyebabkan calon banyak kehilangan markah. Ramai calon hanyamendapat markah rendah. Jawapan yang diberikan dalam bentuk fakta/isi. Banyak berlaku pengulangan isi, walaupun memberi banyak fakta. Penyampaian dan penyusunan jawapan baik dan sesuai dengan kehendak soalan.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Bahagian A: Soalan Objektif; calon dapat markah melalui tekaan sahaja. Tidak dapat memahami konsep respon terhadap (menghadkan jawapan kepada satu jawapan sahaja). Calon tidak dapat menjawab bahagian isi tempat kosong dan kebanyakan calon mendapat markah rendah. Bahagian B; Jawapan tidak menepati peraturan pemarkahan. Calon gaga I memberikan jawapan yang paling tepat, disebabkan kegagalan calon memahami

mengingati dan menguasai istilah-istilah tertentu dalam Pendidikan Islam. Gagal menguasai perkara-perkara asas ajaran Islam terutama dalam ibadat, akidah dan Tamadun Islam. Calon juga gagal mendapat markah bagi soalan no. 2. Mendapat markah rendah bagi soalan Tamadun Islam dan Tokoh.

PRESTASI TERPERINCI

Kekuatan Calon

Bahagian A: Soalan Objektif; ramai calon memberikan jawapan yang paling tepat seperti mana kehendak soalan. Bahagian B; ramai calon dapat menjawab dengan baik dan berkesan soalan no.1 dan no.3 dengan markah penuh. Calon dapat memberi jawapan dengan baik soalan KBKK dan aplikasi. Dapat memberi contoh yang baik mengenai pengajaran dari sifat al-Faaruuq Saidina Umar al-Khattab. Menepati istilah dan fakta.

Kelemahan Calon

Bahagian A; calon tidak dapat memilih jawapan paling tepat bagi soalan 6, 9, 14 dan 18. Calon memberi jawapan lebih dari satu bagi soalan isi tempat kosong dan tidak dapat memahami kehendak soalan. Bahagian B; calon gagal menjawab soalan no. 2 dengan baik kerana kelemahan dalam menguasai asas ibadah seperti jual beli, munakahat (talak dan qazaf) dan tidak menguasai nas-nas asas yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran. Terdapat calon yang tidak menjawab semua ceraihan soalan seperti no. 2.a.iii, 2.b.i dan 2.c. Calon tidak dapat markah penuh. Calon hanya mendapat separuh markah bagi soalan pengertian seperti ajaran sesat, jual beli, mengumpat, menfitnah dan kemudahan awam. Calon tidak dapat memberikan contoh tepat sebagai seorang calon bagi soalan no. 3.c, seperti menunaikan segala suruhan Allah dan meninggalkan larangannya. Calon tidak menyatakan dengan jelas usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Bani Abasiyah bagi soalan no. 3.b seperti galakan yang kuat daripada khalifah. Calon memberi jawapan rambang bagi soalan no.4.c seperti; ilmu astronomi, matematik dan lain lain.

Kesilapan Calon

Bahagian A; ada calon memberi lebih dari satu jawapan. Bahagian B; calon tidak memahami dan menguasai istilah-istilah asas dalam akidah dan ibadat. Tidak memahami dan menguasai nas-nas al-Quran dan Hadis. Gagal membawa pengertian dan konsep dengan tepat, yang menyebabkan kegagalan calon memperolehi markah penuh. Calon tidak memahami kehendak soalan seperti soalan menghendaki calon membawakan kesan buruk ajaran sesat terhadap individu. Ramai calon menjawab kesan buruk ajaran sesat terhadap masyarakat dan negara. Calon gagal membezakan antara akibat, kesan dan hikmat sesuatu perkara contohnya calon keliru antara akibat talak ke atas isteri dengan hikmat talak terhadap isteri

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Soalan 1(a)

Terdapat banyak kumpulan yang mengamalkan ajaran sesat.

- i. Jelaskan maksud ajaran sesat.

Contoh jawapan yang baik:

a) i) - Maksud ajaran sesat?
Ajaran sesat ialah ajaran yang dianggap sebagai ajaran Islam tetapi hakikatnya bertentangan dengan hukum syara' dan alidah Islam sebenar.

Menjawab 2 isi dengan tepat

Contoh jawapan yang sederhana

a) i) - Ajaran sesat ialah ajaran yang diasaskan oleh seseorang di mana amalnya sangat bertentangan dengan ajaran Islam yang boleh menubahkan seseorang itu murtad.

Calon ini hanya mengemukakan 1 isi sahaja. "Ajaran yang diasaskan oleh seseorang..." sebenarnya bukan isi.

Contoh jawapan yang lemah

a) i) maksud ajaran sesat ialah mengamalkan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kekhufuran Allah kepada pengikut ajaran sesat.

Jawapan di atas tidak menjawab maksud "ajaran sesat", hanya menghurai perihal ajaran sesat

ii. Terangkan dua kesan buruk mengamalkan ajaran sesat terhadap individu.

Contoh jawapan yang baik

(ii) 2 kesan buruk mengamalkan ajaran sesat terhadap individu ::
(I) membazir masa, tenaga, dan wang ringgit PS
(II) Mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang bapa, anak atau sebagainya

Jawapan yang diberi adalah tepat dan bernas

Contoh jawapan yang sederhana

(ii) kesan buruk .
- menyebabkan seseorang itu dimurkai Allah P9
- menyalahkan seseorang itu dengan Allah.
- mendapat balasan azab di Neraka P9

Calon ini mengemukakan 3 isi, tetapi diterima satu sahaja kerana isi yang kedua dan ketiga berulang

Contoh jawapan yang lemah

kesan ^{buruk} mengamalkan ajaran sesat terhadap individu ialah menyebarkan ajaran sesat kepada orang lain untuk ~~sejwa~~ orang lain mengikut ajaran yg. sesat itu.

Tidak menjawab kehendak soalan

iii. Cadangkan dua cara menanganinya daripada terus berlaku di kalangan masyarakat

Contoh jawapan yang baik

2 cara ~~menang~~ menangani ajaran sesat
- menetapkan undang-undang
meningkatkan dakwah Islam.

Dapat mengemukakan 2 isi yang tepat

Contoh jawapan yang sederhana:

i) Masyarakat perlu perpegang kuat dengan ajaran Islam.
ii) Masyarakat diberi penerangan tentang individu yang mengamalkan ajaran sesat.

Mengemukakan hanya 1 isi yang betul.

Contoh jawapan yang lemah

(ii) - Janganlah megikat ajaran sesat nanti di hina oleh orang.
- dipulau oleh orang-orang yang benci ajaran sesat.

Tidak memahami tugas soal yang memerlukan cadangan cara menangani ajaran sesat, sebaliknya memberi nasihat dan menerangkan kesan jika mengamalkan ajaran tersebut.

Soalan 1(b)

i. Nyatakan Maksud mengumpat dan menfitnah.

Contoh jawapan yang baik:

(i) - maksud mengumpat ialah mengata atau menceritakan kelemahan orang lain dibelakangnya dan akan menimbulkan perasaan marah apabila diceritakan dihadapannya.
- maksud menfitnah ialah menyuduh seseorang tanpa mempunyai bukti yang kukuh.

Kekuatan calon ialah dapat mengemukakan maksud mengumpat dan menfitnah secara berasingan. Maksud yang diberikan tepat seperti yang dikehendaki soalan.

Contoh jawapan yang sederhana:

| |
|--|
| Mengumpat bermaksud <u>mengata</u> seseorang tanpa |
| di ketahui oleh individu tersebut. |
| memfitnah bermaksud menuduh seseorang yang tidak |
| bersalah dengan bermacam-macam tuduhan. 2/4 |

Calon ini hanya mendapat markah bagi maksud mengumpat sahaja. Tiada markah bagi memfitnah kerana jawapannya tidak dinyatakan "tuduhan tanpa bukti".

Contoh jawapan yang lemah:

| |
|---|
| 1(b)(i) mengumpat adalah satu kesalon yang benar rion tidak |
| disukai oleh Allah swt X |
| memfitnah adalah berdosa <u>besar</u> daripada orang yang |
| membunuh |

Calon langsung tidak menjawab soalan kerana tidak menguasai istilah.

ii. Mengumpat dan memfitnah sangat dilarang dalam Islam. Berikan tiga hujah anda.

Contoh jawapan yang baik:

| |
|--|
| (ii) Mengumpat dan memfitnah sangat dilarang dalam Islam, 3 hujah |
| - Allah menyatakan ^{kan} seseorang yang memfitnah lebih dasyat daripada membunuh P7 |
| - Mengumpat dan memfitnah merupakan dosa besar P5 |
| - Negara dan masyarakat akan kacau bilau dan perpecahan akan berlaku. P1 |

Ulasan/komen: Calon dapat mengemukakan 3 hujah yang tepat.

Contoh jawapan yang sederhana:

3 hujah mengumpat dan memfitnah dilarang dalam Islam.
 Mengumpat dan memfitnah dilarang kerana Allah tidak membenarkan masalah seseorang disebarkan kerana khawatir akan mengaitkan orang itu.
 Selain itu masyarakat akan memandang sebelah kepada orang yang difitnah sedangkan orang itu tidak membuat salah. Prestasi orang yang difitnah juga akan jatuh kerana malu.
 Dengan adanya sifat ini iman seseorang akan rosak dan sudah pasti akan di murkai oleh Allah. Masyarakat Islam juga akan porak-poranda dan berpecah-bekuk kerana isu mengumpat dan memfitnah. 4/6

Ulasan/komen: Calon memberikan 3 hujah, tetapi 2 hujahnya berulang.

Contoh jawapan yang lemah:

Alloh s.w.t tidak menyukai maulanya mengumpat sesama sendiri X
 - Dalam Islam memfitnah adalah berdosah dan pada orang yang membunuh. seta dosa dan pada e
 - Dalam Islam mengumpat sesama sendiri adalah berdosah besar 2/5
 - Memfitnah adalah satu perbuatan yang tidak disukai oleh orang Islam X
 - Allah s.w.t tidak menyukai maulanya mengumpat dan memfitnah orang lain yang tidak berdosah X
 - Dan orang yang mengumpat dan memfitnah adalah orang yang telah melanggar perintah Allah s.w.t dan hukumannya berdosah besar dan mendapat balasan di akhirat nanti. 2/6

Jawapan yang diberi bukannya hujah. Hanya isi kedua sahaja yang betul. Jawapan lain hanyalah pernyataan umum yang tiada kaitan.

Soalan 2(a)

i. Jelaskan maksud jual beli menurut Islam.

Contoh jawapan yang baik:

i- Jual beli menurut Islam ialah pertukaran barang yang sah hak milik yang disertakan dengan ijab dan kabul.

Dapat mengemukakan 2 isi yang diperlukan dengan baik.

Contoh jawapan yang sederhana:

maksud jual beli menurut Islam ialah menukar barang yang mahal kepada orang lain.

Hanya dapat mengemukakan 1 isi sahaja.

Contoh jawapan yang lemah:

(i) maksud jual beli menurut Islam ialah membeli barang yang mahal.

Mengemukakan jawapan yang salah dan tiada kaitan.

ii. Nyatakan empat rukun jual beli.

Contoh jawapan yang baik:

- Penjual, dan pembeli
- Barang jual beli.
- Sighat
- Harga jual beli.

Dapat mengemukakan semua rukun jual beli dengan sempurna. (lebih daripada kehendak soalan)

Contoh Jawapan yang sederhana:

- 1) Harga yang berpatutan
- 2) Tidak menipu dalam jual beli
- 3) Tidak menipu orang dalam jual beli
- 4) Pastikan menjual barang yang boleh dijual.

Hanya dapat mengemukakan 2 isi yang betul. Calon menghuraikan jawapan yang tidak diperlukan.

Contoh jawapan yang lemah:

- ii) - hendaklah barangan yang baik
 - barangan yang tulen
 - memnaskan hati pembeli
 - hendaklah barangan yang nalai.

Jawapan ini merupakan syarat jual beli bukan rukun yang dikehendaki soalan.

iii. Terangkan dua jenis jual beli yang dilarang tetapi sah.

Contoh jawapan yang baik:

- iii - Per ~~menyok~~ menyekat pedagang luar dipertengahan jalan³ untuk mendapat harga barang. Membeli barang yang halal tetapi ~~sedikit~~ bertujuan maksiat^x juga sah tetapi dilarang. 2/4

Calon berjaya memberikan 2 isi yang betul, tetapi tidak sistematik.

Contoh jawapan yang sederhana:

- iii Terangkan 2 jenis jual beli yang dilarang tetapi sah :-
 - a- Barang yang sudah tamat tempoh jualan²

→ Ini kerana jika barang ini dijual akan memudaratkan kesihatan seseorang. 2/4

Calon hanya mengemukakan 1 isi sahaja. Huraikan isi tidak diperlukan.

Contoh jawapan yang lemah:

| |
|--|
| - Jual beli yang bermaksud penindasan seperti menyorakan barang. |
| - Jual beli yang tidak di suratkan harga ijab dan kabul. 0/6 |
| - Jual beli yang tidak berlandaskan syarak. 0/6 |

Jawapan yang diberikan ialah jual beli yang tidak sah dan haram, tidak menjawab soalan.

Soalan 2(b)

i. Jelaskan dua pengajaran daripada hadis di atas.

Contoh jawapan yang baik:

| |
|---|
| b) i - Talak adalah perkara yang halal tetapi amat dilaknat oleh Allah. Elakkanlah diri daripada melakukan talak selagi mempunyai jalan penyelesaian yang lain. 4/4 |
|---|

Calon dapat mengemukakan 2 isi yang tepat iaitu (talak adalah perkara halal) dan (elakkan talak selagi mempunyai jalan penyelesaian yang lain). Jawapan (amat dilaknat oleh Allah) tidak diterima kerana talak hanya dibenci Allah sahaja yang tidak sampai ke tahap dilaknat.

Contoh jawapan yang sederhana:

| |
|---|
| b) i) - Suami diberi kuasa untuk menceraikan isteri. X - Penceraian ialah perkara yang dibenci oleh Allah. |
|---|

Jawapan yang pertama tiada kaitan dengan kehendak matan hadis dan tiada markah.

Contoh jawapan yang lemah:

| |
|---|
| (b)(i) Allah menyuruh umat menahapi sesama manusia. 0/ |
| (ii) Allah menyuruh umat yang dapat membahagiakan keluarga. |

Calon tidak dapat menjawab kerana tidak dapat memahami dan menguasai maksud matan hadis tersebut.

ii. Terang dua akibat talak terhadap isteri.

Contoh jawapan yang baik:

ii - Talak mengakibatkan isteri (hilang tempat bergantung) ^{fb}. Talak juga menyebabkan status isteri berubah serta ^{fb} kesunyian ³.

Calon dapat mengemukakan 3 isi yang tepat.

Contoh jawapan yang sederhana:

(ii) Akibat talak kepada isteri.
- Isteri dapat menginsafi segala ~~kesalahan~~ perbuatan terdahulu.
- Menjadi pengajaran kepada isteri.
- Isteri hilang tempat mengadu dan perlindungan ^{fb}.

Jawapan pertama dan kedua adalah salah kerana ianya hikmah talak, bukan akibat talak terhadap isteri

Contoh jawapan yang lemah:

ii - 2 Akibat talak terhadap isteri.
a - Supaya isteri tahu apakah salahnya akibat berlaku curang.
b - Dapat menginsatkan isteri dengan kesalahan.
c - Dapat mengelakkan isteri terus menderhakai dan curang kepada suami kerana sipatnya.
d - Memberi pengajaran agar isteri tidak mengalami pada masa akan datang. ^{0/1}
e - Mendidik anak talak isteri, supaya lebih menghormati orang lain.

Jawapan calon bertumpu kepada pengajaran talak terhadap isteri, bukan akibat talak terhadap isteri.

Contoh jawapan yang sederhana:

(i) * orang awam yang tidak memperdulikan P1 2/4
* orang ramai tidak mengambil kisah terhadap pembakaran P2

Kedua-dua isi yang dikemukakan adalah sama maksudnya.

Contoh jawapan yang lemah:

a) i) perbuatan tersebut masih di lakukan kerana
- Alam sekitar kita di puncahi dengan sampah sarap.

Calon tidak menjawab soalan.

ii. Jelaskan dua tindakan anda apabila melihat seseorang melakukan perbuatan tersebut.

Contoh jawapan yang baik:

(ii) Dua tindakan: 2
- menasihati dengan cara berkikmah ~~dan~~ bahawa perbuatannya salah.
- mengambil tindakan seperti melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya nasihat tadi tidak diambil peduli. 4/4

Jawapan yang tepat dan huraikan dengan bernas.

Contoh jawapan yang sederhana:

(i) Tindakan yang dapat diambil sekiranya melihat seseorang melakukan perbuatan tersebut.
- memberi nasihat 3/4
- memberi tahu bahawa membakar sampah sedara terpuke

Jawapan kedua calon membawa maksud yang sama dengan isi pertama.

Contoh jawapan yang lemah:

(ii) - kita perlu puak orang yg melakukan
perbuatan tersebut ini
- kita harus baring mereka ini. 0/4

Calon mengemukakan jawapan yang negative, sambil lewa dan tidak munasabah.

- iii. Sarankan satu langkah berkesan bagi mengatasi masalah pencemaran di Negara kita.

Contoh jawapan yang baik:

(iii) satu langkah berkesan
- mengadakan Kempen - kempen kesedaran kepada masyarakat
berhubung kepentingan alam sekitar. P₂ 2

Jawapan yang jelas lagi tepat.

Contoh jawapan yang lemah:

(iii) - Kita perlu mencaup X kilang-kilang
dan mebahey kenderaan yang terjual.
bungaya - 2

Calon mengemukakan jawapan yang negatif, sambil lewa dan tidak munasabah.

Soalan 3(b)

Jelaskan tiga usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Abbasiyyah untuk memajukan bidang pendidikan.

Contoh jawapan yang baik:

Usaha yang dilakukan oleh Kerajaan ~~Abba~~ Abbasiyyah
untuk memajukan bidang pendidikan
- membina perpustakaan / menetapkan
mengadakan majlis perbincang di istana - 02
- memberi ganjaran yang lumayan kepada pentasir dan luar -
- membina masjid di jadikan tempat pembelajaran - 11

Semua isi adalah betul. Isi kedua dan keempat adalah sama iaitu berulang dari segi kemudahan tempat pendidikan.

Contoh jawapan yang sederhana:

Jelaskan tiga usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan Abbasiyyah untuk memajukan bidang pendidikan.
- Menterjemah farya-farya bahasa asing ke bahasa arab
- Mendirikan pusat-pusat penjajaa tinggi
- Melahirkan para cendekiawan sebagai tenaga penajar

Jawapan ketiga salah kerana ia merupakan kesan kepada kemajuan pendidikan.

Contoh jawapan yang lemah:

| |
|---|
| 3 usaha yang dilakukan untuk memajukan bidang pendidikan ialah |
| a- Membina bangunan untuk memudahkan pembelajaran. P2 |
| b- Menyediakan segala barang keperluan belajar spt kitab-kitab. |
| c- Memberi pendidik tokoh yang baik agar mudah difahami oleh pelajar. 2/1 |

Jawapan bukan berasaskan fakta, hanya meneka sahaja.

Soalan 3(c)

Khalifah Umar al-Khattab r.a terkenal dengan gelaran al-Faaruuq (orang yang dapat membezakan antara yang benar dan salah). Bagaimanakah anda mencontohi sifat tersebut dalam kehidupan sebagai seorang pelajar?

Contoh jawapan yang baik:

| |
|--|
| Bagaimana cara mencontohi khalifah Umar? |
| • Berani menegakan keadilan apabila berlaku ketidakadilan. |
| • Mengelak apabila diajak melakukan perbuatan |
| • Bertikir dahulu sebelum membuat keputusan |
| • Menyelidiki masalah itu sebelum menuduh seseorang. |

Calon mengemukakan 4 isi, tetapi isi kedua, ketiga dan keempat berulang.

Contoh jawapan yang sederhana:

| |
|---|
| Saya mencontohi sifat tersebut dalam kehidupan seharian dengan cara |
| a- saya akan sentiasa melakukan perkara-perkara yang baik dan meninggalkan yang tidak baik. |
| b- Saya akan berkawan dengan orang benar dan jujur agar diri saya tidak terpesong dari ajaran Islam. |
| c- Saya akan mengelakkan diri dari terjerumus kepada perkara yang salah seperti pergi ke Disko atau minum arak. 2/1 |

Jawapan pertama adalah mengulangi soalan. Jawapan kedua dan ketiga mempunyai maksud yang sama. Calon hanya memperoleh markah untuk 1 isi sahaja.

Contoh jawapan yang lemah:

(c) khairifah Umar al-khattab memang benar terkenal dengan ucapan Al-faanku

Calon tidak menjawab tugas soal.

Soalan 4(a):

Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk kemudahan awam untuk kesejahteraan rakyat.

- i. Jelaskan maksud kemudahan awam.

Contoh jawapan yang baik:

Soalan 4 (a)
Kemudahan awam bermaksud suatu bentuk pembangunan yang dibina oleh kerajaan untuk kemudahan, ~~menyediakan~~ keperluan dan kepuasan rakyat ketika menggunakannya.

Berjaya mengemukakan 2 isi yang dikehendaki.

Contoh jawapan yang sederhana:

(i) Maksud kemudahan awam ialah memberi kesenangan kepada orang ramai dan pelancong.

Calon hanya dapat mengemukakan 1 isi sahaja.

Contoh jawapan yang lemah:

(a) (i) Maksud kemudahan awam ialah semua orang ramai boleh menggunakan. X

Tidak menjawab kehendak soal. Hanya satu pernyataan biasa sahaja.

- ii. Terangkan dua cara mencegah remaja daripada merosakkan kemudahan tersebut.

Ulasan soal: Soalan ini mengkehendaki calon memberi tindakan mencegah sebelum kerosakan berlaku.

Contoh jawapan yang baik:

(ii) 2 cara mencegah remaja daripada merosakkan kemudahan tersebut (4 m)

- Meletakkan ~~petak~~ peronda di kawasan ^{kemudahan} yang menjadi tempat remaja melepak.
- Menerapkan ~~pendidikan~~ awat ~~kesedaran~~ ^{kesedaran} kepentingan kemudahan awam dalam pendidikan ~~di sekolah~~ dan institusi pengajian.
- Mengadakan kempen ~~memelihara~~ kemudahan awam.
- Menggunakan media ~~massa~~ untuk meminta kerjasama ~~para~~ masyarakat untuk bersama-sama memelihara kemudahan awam.

Calon memberikan lebih dari 2 isi yang dikehendaki. Jawapan kedua dan ketiga adalah berulang.

Contoh jawapan yang sederhana:

(i) Dua cara mencegah remaja daripada merosakkan kemudahan tersebut:

- 1- mem letakkan nota ^{baru} bahawa "jangan merosakkan kemudahan tersebut".
- 2- memastikan sesiapa yang merosakkan kemudahan awam akan dikenakan hukuman denda ~~atau~~ dipenjarakan.

Isi yang pertama sahaja diterima, isi yang kedua adalah tindakan selepas berlakunya kerosakan.

Contoh jawapan yang lemah:

(ii) Dua cara mencegah remaja daripada merosakkan kemudahan awam.

- (i) mengenakan tindakan kewajarnya
- (ii) mengenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya

Calon hanya mengemukakan tindakan selepas berlaku kerosakan, bukan aktiviti mencegah.

Soalan 4(b)

Berdasarkan hadis di atas, terangkan dua hikmah digalakkan menggosok gigi sebelum menunaikan solat.

Contoh jawapan yang baik:

a hikmah digalakkan menggosok gigi sebelum solat:
1) & untuk memastikan diri kita telah bersih untuk berhadapan dengan Allah S.W.T.
2) supaya tidak mengganggu orang sebelah dengan bau mulut yang tidak menyenangkan.
3) supaya diri kita berasa segar setelah menggosok gigi.
4) Dirahmati dan disayangi Allah S.W.T apabila menggosok gigi sebelum solat. (PS)

Soalan ini dapat dijawab oleh sebilangan besar calon, kerana ia merupakan rutin harian biasa. Satu soalan yang mudah.

Soalan 4(c)

Nyatakan empat bidang ilmu yang dikuasai oleh Ibnu Khaldun.

Contoh jawapan yang baik:

(i) Pendidikan. (ii) Ekonomi. (iii) sejarah
(iv) Pentabiryan. (v) Sosial. (vi) politik

Calon berjaya memberikan lebih dari 4 isi yang dikehendaki.

Contoh jawapan yang sederhana:

c) Empat bidang ilmu yang dikuasai oleh Ibnu Khaldun ialah bidang ekonomi, bidang pendidikan, bidang sosial dan bidang pertanian. 2/4

Calon hanya memberikan 2 isi sahaja.

Contoh jawapan yang lemah:

Soalan 4 (c) (jawab)
- ilmu fiqh.
- ilmu tasawwur.
- ilmu faraid.
- ilmu kifayah dan kinayah.

Calon hanya meneka jawapan sahaja. 1 isi sahaja yang betul.

Soalan 4(d)

"Undang-undang dan Perlembagaan Negara adalah berdasarkan al-Quran dan al-Hadis".

Pernyataan diatas adalah mengenai dasar pentadbiran Khulafa' al-Rasyidin. Jelaskan tiga dasar yang lain.

Contoh jawapan yang baik:

Dasar-dasar pentadbiran Khulafa' al-Rasyidin

- 1) Pemerintah berkuasa untuk membuat keputusan berdasarkan pandangan daripada ahli majlis - syura' dan ahli hadis
- 2) Pemerintah hendaklah mengutamakan kebenaran dan memelihara keamanan dalam negara
- 3) Khalifah merupakan ketua negara
- 4) Khalifah tidak mempunyai apa-apa keistimewaan dalam mengatasi undang-undang
- 5) Pembesar-pembesar yang akan dilantik hendaklah berdasarkan kewibawaan.

Calon berjaya memberikan lebih dari 3 isi yang dikehendaki.

Contoh jawapan yang sederhana:

- Perlantikan khalifah melalui sistem syura.
- Pemimpin hendaklah bersikap adil dan saksama.
- Segala hukuman dan denda hendak berdasarkan al-quran dan al-hadis.
- Tidak berlakunya penindasan dan kezaliman pemimpin terhadap rakyat.

Jawapan ketiga hanya mengulangi soalan. Jawapan kedua dan keempat merupakan isi yang berulang.

Contoh jawapan yang lemah:

- (1) Tiga dasar pentadbiran khulafa Al-Rasyidin.
- (1) undang-undang berdasarkan Al-Quran dan hadis
- (2) melaksanakan perlembagaan Negara
- (3) menjalankan tugas dengan sempurna

Jawapan pertama adalah mengulangi soalan. Isi kedua dan ketiga tidak menepati peraturan pemarkahan.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon-calun hendaklah membaca dan memahami semua arahan am soalan.
2. Bacakan semua soalan dengan teliti sebelum membuat pilihan terutama soalan aneka pilihan Bahagian A dan pemilihan satu soalan dari soalan no.3 dan no.4 di Bahagian B.
3. Calon tidak perlu menjawab lebih dari yang dikehendaki. Masa lebih hendaklah digunakan untuk menyemak jawapan supaya lebih baik dan sempurna.
4. Calon-calun perlu memahami kehendak soalan, seperti gariskan perkataan... terhadap individu (soalan 1.a.ii) dan ... Akibat talak kepada isteri (soalan 2.b.ii)
5. Kegagalan memahami kehendak soalan menyebabkan jawapan terpesong dan tidak diterima/tiada markah.
6. Jawapan janganlah terlalu panjang dan meleret-leret.
7. Berikan banyak isi dan fakta melebihi dari yang dikehendaki.
8. Calon mestilah menguasai istilah-istilah khusus/asas dalam ibadat, akidah, Tamadun Islam, Munakahat, ajaran sesat, muamalat dan lain-lain.
9. Kegagalan memahami kehendak soalan menyebabkan jawapan kurang tepat dan tidak memuaskan.
10. Calon mestilah menguasai nas-nas al-Quran dan Hadis yang asas dalam akidah, ibadat, muamalat dan munakahat yang terkandung dalam sukatan dan objektif mata pelajaran Pendidikan Islam.
11. Calon-calun mesti menguasai isi kandungan, kemahiran dan penghayatan yang terkandung dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru mestilah faham sukatan dan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam SPM.
2. Gunakan buku teks sepenuhnya semasa P&P. Buku rujukan hanya digunakan semasa perbincangan atau kerja kumpulan/kerja rumah sahaja.
3. Berikan pendedahan kepada calon mengenai kata tugas soalan.
4. Guru perlu diberikan pendedahan dan kemahiran menjawab soalan aneka pilihan dan mengisi tempat kosong.
5. Bank soalan aneka pilihan mesti diwujudkan segera di sekolah.
6. Latihan menjawab soalan-soalan aneka pilihan dan mengisi tempat kosong yang mencukupi perlu diberikan.
7. Calon sewajarnya dilatih untuk mengambil pengajaran/iktibar dari Tamadun Islam dan tokoh-tokoh Islam supaya boleh membawakan hujah/bukti dalam soalan-soalan yang berbentuk analisis dan aplikasi.
8. Berikan pendedahan mengenai teknik menjawab yang betul lebih awal sekurang-kurangnya di awal tahun atau kepada calon di tingkatan 4 lagi.
9. Berikan pendedahan ilmu membina item kepada semua guru Pendidikan Islam.